

03/05/2000

Mesyuarat ICFSM bincang globalisasi

SHAH ALAM, Selasa - Mesyuarat Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFSM) di ibu negara pada 27 hingga 30 Jun ini, akan memberi penekanan kepada kesan globalisasi ekonomi dunia terhadap kemajuan umat Islam sejagat.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata mesyuarat yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, itu dijangka memberi keutamaan kepada isu ekonomi semasa yang membabitkan negara anggota.

Bagaimanapun, beliau menolak kemungkinan isu penculikan di Pulau Sipadan, Sabah, akan dibincangkan kerana ia tidak termasuk dalam agenda perbincangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) kali ini.

"Lazimnya, kita hanya membincangkan isu yang sudah ditetapkan dan berkepentingan umum kepada semua negara anggota, terutama mengenai perpaduan umat Islam dan peranan dalam pembangunan ekonomi Islam sejagat.

"Antara lain, usul mendesak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menghentikan sekatan ekonomi terhadap Iraq turut dibincangkan kerana ia dianggap sesuatu yang kejam dan menerima persetujuan semua negara anggota," katanya.

Katanya, isu sekatan ekonomi terhadap Iraq menjadi agenda biasa sidang ICFSM kerana ia adalah pencabulan hak asasi manusia yang menjadikan rakyat, terutama wanita dan kanak-kanak, diancam kebuluran dan penyakit.

"Bagaimanapun, penculikan di Pulau Sipadan belum diketahui siapa dalang atau motif sebenarnya dan tidak sesuai dibincangkan dalam mesyuarat OIC," katanya selepas majlis menerima kereta tajaan Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) untuk kegunaan mesyuarat ICFSM di sini, hari ini.

Syed Hamid, yang menerima kereta tajaan itu daripada Ketua Eksekutif Proton, Tengku Datuk Paduka Mahaleel Tengku Ariff, berkata ICFSM boleh dijadikan pentas mengiklankan kereta nasional kepada negara anggota OIC.

Sejumlah 246 kereta, termasuk 60 Proton Perdana V6 dan 186 Proton Wira, disediakan untuk kegunaan menteri serta delegasi dari 56 negara OIC yang menghadiri persidangan itu.

(END)